

PERAKUAN

“Dengan ini, saya mengakui sebenar-benarnya bahawa penulisan kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan:

Nama Penulis:

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali dan selama-lamanya terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT, Tuhan Pencipta Alam diatas keizinan-Nya jua saya diberi peluang untuk terus menjalani kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) Bil.2/2012 sehingga ke saat ini. Ribuan terima kasih tidak terhingga kepada ibu saya, Nur Banun Bt Kadir yang berada di Tawau, Sabah kerana tidak pernah jemu untuk memberikan sokongan moral dan doa yang tidak putus kepada saya semenjak dilahirkan hingga kini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Pembangunan Profesional, Institut Tadbiran Awam Negara, Bukit Kiara kerana telah memberi peluang dan memilih saya untuk menjalani kursus DPA pada kali ini. Seterusnya, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Puan Noraini Bt Kassim, Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Fizikal, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana telah memberi panduan dan tunjuk ajar serta sokongan dalam menghasilkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat kursus DPA kerana sentiasa memberi sokongan dan bantuan sepanjang saya menjalani kursus ini. Modul Kajian Lapangan merupakan modul teras dalam kursus DPA dimana pelaksanaan modul ini dijalankan mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Saya telah dipilih untuk menyertai kumpulan 35 yang terdiri daripada lapan orang peserta termasuk diri saya sendiri. Untuk itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada semua ahli kumpulan saya iaitu Farah Nadia Binti Kamaruzzaman, Saiful Bakhtiar Bin Ibrahim, Mohd Rizal Bin Md Zain, Mohd Faisal Bin Anuar, Hami Erina Bt Rusli, Athirah Binti Muhammad, dan Mohd Tarmizi Bin Ahmad. Saya rasa amat bertuah kerana menjadi sebahagian daripada ahli kumpulan 35 yang mana semua ahli telah memberikan komitmen yang tinggi dan bersemangat penuh iltizam dalam melaksanakan kajian yang diberikan. Akhir kalam, sekali lagi diucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua pihak kerana sentiasa bersama-sama saya dalam memastikan kajian ini berjaya dilaksanakan dengan baik. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Setiap penggubalan dasar yang dilaksanakan merupakan matlamat dan perancangan yang teratur untuk memberi panduan dan inspirasi dalam mencapai sasaran yang ditetapkan. Malaysia telah menetapkan sasaran untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi sebagaimana yang diilhamkan dalam Wawasan 2020. Sehubungan itu, Malaysia komited untuk menyediakan dasar perancangan strategik dalam merancang pembangunan negara dengan memastikan semua rakyat di negara ini menerima impak dan kesan kemajuan pembangunan negara.

Dasar Perumahan Negara (DRN) ialah salah satu contoh dasar yang digubal dengan teliti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. DRN diwujudkan untuk menggariskan halatuju serta asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri, dan pihak berkuasa tempatan. Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan salah satu program kerajaan yang bermatlamat untuk menyediakan perumahan yang selesa kepada golongan yang berpendapatan rendah khususnya yang tinggal di bandar-bandar utama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Pada hakikatnya, program seperti ini telah lama dijalankan iaitu semenjak Rancangan Malaysia Kedua (1971-1990), kerajaan memainkan peranan untuk membina rumah kos rendah terutama di Pulau Pinang dan WPKL.

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan PPR khasnya terhadap perancangan penempatan PPR di Sri Pantai, Bangsar dan impak yang diterima oleh golongan sasar. Ianya juga melihat sejauh mana peranan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pihak berkuasa tempatan dalam merancang dan menyediakan perumahan yang selesa khasnya kepada golongan berpendapatan rendah di WPKL.